

31 JUL 2001

Pemuda-Cadangan

PEMUDA UMNO CADANG TUBUH YAYASAN PEMBANGUNAN BELIA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Malaysia akan mencadangkan kepada kerajaan supaya menubuhkan Yayasan Pembangunan Belia bagi memastikan pelbagai program kemajuan belia dilaksanakan dengan berkesan.

Pengerusi Biro Belia pergerakan itu Zahidi Zainul Abidin berkata penubuhan yayasan itu termaktub dalam kertas cadangan yang akan dikemukakan kepada kerajaan dan diharap akan dibincangkan pada mesyuarat Kabinet Rabu depan.

"Program seperti Belia Niaga wajar dihidupkan semula atau diberi nafas baru dengan pendekatan lebih menarik," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kabinet akan mengadakan sesi khas pada 8 Ogos untuk membincangkan isu remaja terlibat dalam jenayah.

Katanya, Pemuda Umno juga akan mencadangkan supaya pembukaan tanah rancangan dilaksanakan semula, khusus untuk penyertaan belia seperti yang dilaksanakan pada tahun 1960-an.

Program seperti itu mampu menarik sebahagian belia, terutama yang berminat dalam sektor pertanian dan mahu menerokai kehidupan yang lebih bermakna sebagai peneroka, katanya.

Zahidi berkata kertas cadangan itu juga merangkumi penubuhan Pusat Kaunseling Belia, khususnya untuk menangani gejala negatif di kalangan belia dan masalah-masalah umum.

Menurut beliau pegawai kaunseling yang profesional wajar disediakan secara sukarela mahupun dengan imbuhan tertentu demi kepentingan negara.

Pegawai itu juga akan memberi khidmat nasihat dan melakukan kajian untuk mengenal pasti masalah masyarakat terutama belia, katanya.

-- BERNAMA

NZ AHH RI